

UPM, Diversatech jalin kerjasama komersial hasil R&D

UNIVERSITI Putra Malaysia (UPM) mencatat satu lagi kejayaan dalam pengkomersialan produk penyelidikannya apabila menjalin kerjasama pintar dengan sebuah syarikat pengeluar dan pengilang baja terkenal negara, Diversatech (M) Sdn Bhd.

Menerusi kerjasama itu, syarikat berkenaan diberi hak pelesenan ekskutif menghasil dan memasarkan dua produk berasaskan pertanian hasil penyelidikan universiti itu, Vita-Grow dan Zappa.

Hak pelesenan itu turut melayakkan dua penyelidik produk berkenaan, iaitu Prof Madya Dr Syed Omar Syed Rastan dan Prof Madya Dr Ahmad Husni Mohd Haniff dilantik sebagai penasihat teknikal, selain pemegang ekuiti dalam syarikat berkenaan.

Kedua-dua formulasi produk Vita-Grow dan Zappa itu diiktiraf Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani yang menerima pakai sebagai produk Bantuan Input Tambahan di bawah Skim Insentif Pengeluaran Padi Kerajaan Persekutuan untuk tempoh tiga tahun dengan nilai RM7.8 juta setahun.

Tanggungjawab penghasilan dan pemasaran produk itu akan dikendalikan Diversatech bagi memastikan penggunaannya menyeluruh di kalangan petani seluruh negara.

Produk Vita-Grow ialah baja semburan dedaun lengkap dan seimbang dengan unsur pemakanan mikro serta makro bagi meningkatkan hasil serta kualiti tanaman.

Zappa pula produk dan teknologi pertama di dunia untuk rendaman benih padi yang berkesan bagi merangsang percambahan benih.

Memorandum persefahaman kerjasama antara UPM dan Diversatech itu dimeterai dalam satu majlis disaksikan Timbalan Menteri II Pertanian Industri dan Asas Tani, Datuk Mah Siew Keong, di Serdang, semalam.

UPM diwakili Naib Canselornya, Prof Datuk Dr Nik Mustapa R Abdullah, manakala Diversatech oleh Pengarah Urusannya, Ahmad Lazim.

Terdahulu dalam ucapannya, Mah berkata, kementeriannya menaruh keyakinan tinggi terhadap keupayaan produk itu bagi membantu petani khususnya pesawah padi meningkatkan hasil pengeluaran mereka.

Katanya, produk itu juga diyakini dapat membantu kerajaan meningkatkan hasil pengeluaran padi, sekali gus mencapai matlamat 90 peratus keperluan beras negara menjelang tahun 2010.

Sambil berharap agar produk ber teknologi moden hasil bantuan kerajaan digunakan sebaik mungkin, beliau berkata, jalinan pintar antara universiti dengan pihak industri dalam mengkomersialkan hasil teknologi terutama dalam sektor pertanian wajar diperluaskan.

Nik Mustapa pula berkata, berdasarkan kajian Mardi pada 2000, hasil pengeluaran pertanian meningkat 20 hingga 30 peratus.